

**Pilihan Raya Dun Sarawak Ke-10 Adalah Yang Terbaik - Pengerusi SPR  
Bernama  
Julai 26, 2011**

KUCHING, 26 Julai (Bernama) -- Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak ke-10 yang diadakan pada 16 April lepas adalah yang terbaik pernah dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata ini dibuktikan apabila setakat ini tiada aduan secara lisan dan bertulis daripada mana-mana pihak diserahkan kepada SPR mengenai sebarang kelemahan sepanjang tempoh pengundian.

"Petugas pilihan raya telah menjalankan tugas dengan baik dan mematuhi peraturan kerja dengan baik," katanya pada majlis makan malam penghargaan kepada petugas-petugas SPR yang bertugas semasa pilihan raya DUN Sarawak ke-10 di sini.

Abdul Aziz berkata walaupun ada insiden-insiden terpicil yang berlaku semasa hari pengundian namun ia secara keseluruhan tidak menjejaskan perjalanan proses pengundian kerana polis telah menjalankan tugas dengan cemerlang mententeramkan keadaan keselamatan.

Beliau juga memuji peranan media massa yang membuat liputan semasa pilihan raya DUN Sarawak yang lalu yang telah banyak membantu SPR dalam menyampaikan pelbagai mesej berguna untuk meningkatkan kesedaran pengundi untuk melaksanakan hak mereka sebagai pengundi di negeri ini.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).  
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604107>